

13/11/1999

Memulihkan semula keyakinan rakyat

Kadir Dikoh

BARU-baru ini Umno melancarkan Operasi Membasmi Fitnah bagi menangkis segala dakwaan pembangkang terhadap parti dan kerajaan. Umno mahu setiap anggota parti terutama jawatankuasa penerangan di setiap bahagian dan cawangan menangkis setiap pembbohongan pembangkang di samping memberi penjelasan mengenai kedudukan sebenar.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melancarkan operasi itu, mahu ahli Umno menggembleng usaha memerangi segala fitnah yang dilemparkan oleh pembangkang terhadap parti itu dan kerajaan sebelum rakyat terus terkeliru. Fitnah dan pembbohongan oleh parti lawan sudah sampai ke tahap sehingga sesetengah rakyat sudah tidak tahu membezakan yang mana betul dan salah dan antara baik dengan buruk.

"Apabila rakyat sudah keliru, kemungkinannya rakyat akan membuat keputusan yang tidak bijak. Sebab itu mulai sekarang jawatankuasa penerangan dan pemimpin Umno perlu membuat penjelasan," katanya.

Pemimpin Umno peringkat bawahan harus bekerja keras untuk meyakinkan rakyat.

Rakyat sebenarnya kurang percaya terhadap fitnah pembangkang tetapi selepas setiap hari mereka disogokkan dengan cerita palsu, sedikit sebanyak ia mempengaruhi pemikiran mereka.

Apa yang diharapkan ialah kematangan rakyat untuk berfikir, membezakan antara cerita benar dengan bohong.

Memang menjadi tabiat manusia suka mendengar perbualan atau ucapan sensasi kerana selain mendapat 'input' baru pelbagai tuduhan (sama ada berasas atau tidak), seseorang akan rasa terhibur mendengarnya. Oleh itu, tidak hairan ribuan orang berhimpun mengikuti ceramah parti pembangkang.

"Ucapan berkaitan dasar pembangunan memang kurang glamour tetapi jika difikir secara mendalam, inilah keperluan dalam hidup kita sekarang, untuk anak dan cucu-cicit pada masa akan datang, bukan ungkapan sensasi yang akhirnya tidak membawa makna," kata seorang pemerhati.

Seperti permainan bola sepak, BN tidak harus membiarkan diri mereka sebagai pemain pertahanan semata-mata. Serangan bertubi-tubi ke pintu lawan juga perlu dilakukan dengan perancangan yang pintar.

Pembangkang sedar mereka tidak terdaya menyediakan pembangunan untuk rakyat. Berdasarkan hakikat ini, modal terbaik mereka ialah membangkitkan sentimen rakyat supaya hilang keyakinan kepada kerajaan. Maka di sinilah timbulnya isu rasuah, nepotisme, penyelewengan dan salah guna kuasa. Isu-isu ini terus menjadi mainan pembangkang.

Untuk memerangi fitnah pembangkang, Ibu Pejabat Umno turut mengeluarkan risalah 30 muka surat berbentuk maklumat dalam kempen dikenali sebagai 'Ops Musnah Fitnah'.

Kempen itu juga dinamakan sebagai 'Ops Basmi 7M' dalam usaha memerangi gejala tidak sihat iaitu memfitnah, membohong, memaki hamun, mencarut, membenci orang lain, menyangka buruk dan menghasut.

Risalah itu memberi contoh seperti berikut:

* Contoh fitnah: Menuduh kerajaan mengadakan projek yang membazir seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pusat Pentadbiran Putrajaya, rumah Perdana Menteri, Menara Berkembar Petronas dan sebagainya;

* Contoh membohong: Tuduhan seperti bekas Ketua Polis Negara (Tan Sri Rahim Noor) sudah lumpuh. Dr Mahathir tidak dapat mengerjakan ibadah haji kerana jatuh sakit;

* Contoh maki-hamun dan mencarut: Kenyataan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa diharuskan berkawan dengan syaitan dan mencarut diharuskan kerana Tuhan sendiri berbuat demikian. Ekoran daripada itu, maka pembangkang menuduh pemimpin-pemimpin sebagai Firaun atau Maha Firaun.

* Contoh membenci orang lain: Menyuruh generasi muda bermula dari kelas bimbingan kanak-kanak hingga ke peringkat persekolahan supaya membenci pemimpin seperti mengajar mereka mengatakan pemimpin negara jahat, zalim dan sebagainya;

* Contoh menyangka buruk: Tuduhan mengatakan bahawa projek penswastaan dibuat untuk keuntungan sendiri seperti Tenaga Nasional Bhd (TNB), Pos Malaysia Bhd, Kereta Api Tanah Melayu Bhd (KTMB) dan sebagainya dengan mengetepikan hakikat sebenar bahawa ia menguntungkan negara;

* Contoh menghasut: Daripada demontrasi yang dibuat oleh kumpulan menggelarkan diri mereka sebagai golongan reformasi adalah penjelasan kepada hasutan yang dibuat oleh pihak pembangkang dengan menuduh kerajaan zalim, tidak bertimbang rasa dan jahat.

Menurut risalah itu, hakikatnya KLIA, Putrajaya dan sebagainya memberi pulangan ekonomi yang besar kepada rakyat di samping menyedari bahawa kos pembinaan projek seperti itu dibuat secara profesional dan tidak langsung menjejaskan rancangan membasmi kemiskinan dan pembinaan prasarana negara.

"Tuduhan membohong, memaki-hamun, membenci, menyangka buruk dan menghasut adalah senjata bagi orang atau kumpulan yang sudah kecewa kerana tidak dapat menggagalkan perjuangan kerajaan secara gentlemen, lalu berlindung dengan pendekatan yang tidak bermoral dan memalukan, sekalipun ia ditegah oleh agama dan budaya," menurut risalah itu.

Menurut risalah itu, gerombolan parti pembangkang iaitu Pas, DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) sudah:

* Mengkhianati amanah dan harapan warisan sejarah kita yang menuntut supaya kita berbudi bahasa dan berakhlak mulia;

* Membangkang secara membabi-buta;

* Mengajar rakyat termasuk kanak-kanak menjadi liar dan ganas;

* Mengelirui rakyat;

* Melambatkan pencapaian yang lebih besar dalam urusan keagamaan;

* Memikirkan kepentingan diri mereka lebih daripada kepentingan agama, bangsa dan negara;

* Menimbulkan fitnah tanpa sempadan;

* Mendorong rakyat untuk menjadi negatif terhadap pencapaian negara, dan

* Mengiktiraf negara lain dan sanggup menikam negara sendiri.

Berikutan itu, risalah terbabit menyimpulkan bahawa pembangkang - Pas, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) adalah sindiket 'peruntuh' dan bukan 'pembina'.

Matlamat maklumat menerusi risalah itu ialah bagi memastikan setiap ahli Umno menguasai maklumat asas parti, memahami isu semasa dari perspektif parti, meyakini pendirian parti dalam setiap pendekatan untuk menangani isu-isu negara, mampu menjelaskan kekeliruan yang terjadi kepada masyarakat awam dan mengutamakan maklumat yang disalurkan menerusi parti.

Objektifnya adalah untuk menyelamatkan agama, bangsa dan negara serta mewujudkan keamanan dan keharmonian, kemesraan dan persefahaman, kemajuan dan kemakmuran, kejayaan dan kecemerlangan serta keyakinan dan kemenangan BN.

Teknik memfitnah adalah mengembangkan hasutan, melakukan provokasi, memainkan emosi dan merayu simpati.

Satu lagi isu yang perlu ditangani dengan bijak oleh BN dan Umno ialah bagaimana menghakiskan jenama pada seseorang seperti dijelaskan oleh Dr Mahathir sewaktu melancarkan kempen memerangi fitnah.

Dr Mahathir berkata, beliau menjadi mangsa 'jenama' yang digunakan pembangkang untuk memberi gambaran buruk mengenai dirinya bagi menghasut

rakyat supaya membenci beliau dan kerajaan. Katanya, penggunaan jenama atau label adalah amat berkesan sekali pengaruhnya dan kini parti lawan berusaha mengenakan label zalim kepada anggota dan pemimpin kerajaan sehingga ke mana saja mereka pergi, orang akan mengatakan bahawa mereka zalim.

Beliau memberi contoh DAP menuduhnya sebagai diktator dan bila sudah lekat label itu di hati rakyat, adalah sukar untuk membuat penjelasan kepada mereka mengenai perkara sebenar.

"Sebaliknya, oleh kerana Pas menggunakan label Islam, jenama Islam, apa juga yang Pas buat, walaupun bertentangan dengan ajaran Islam, masih juga orang akan terima bahawa apa yang dilakukannya secocok dengan Islam. Label atau jenama kalau sudah lekat pada sesuatu, akan mengambil warna dan rupa jenama itu dan sukar bagi kita untuk mengikisnya melainkan kalau kita berjaya melalui usaha yang bertalu-talu untuk membuktikan bahawa sebenarnya jenama itu tidak tepat, bahawa sebenarnya adalah berlainan dengan maksud jenama itu," kata Dr Mahathir.

Anwar pula berjaya mempamerkan dirinya dengan jenama yang warak, boleh jadi imam dan boleh membaca khutbah. Anwar juga memberi bantuan kewangan kepada badan-badan Islam di luar negara dan boleh bercakap mengenai agama serta boleh meyakinkan orang ramai sehingga semua orang percaya dia seorang yang warak, baik dan patuh kepada ajaran Islam.

"Apabila orang itu sudah dapat gambaran rupanya (begitu), agak sukar bagi kita untuk menunjukkan bahawa sebenarnya dia bukan seperti yang ditunjukkan olehnya, yang dipamerkan olehnya, sebenarnya dia bukan orang yang warak malah dia jauh daripada menjadi orang yang warak. Inilah masalah yang kita hadapi sekarang, bagaimana hendak meyakinkan orang yang sudah taksub, sudah percaya betul-betul mengenai kebaikan orang ini, bahawa sebenarnya dia tidak baik," katanya.

Dakwaan yang dilemparkan oleh Pas terhadap Umno mudah ditangkis.

Pas berbohong secara berdepan tetapi Anwar membuat perancangan rapi untuk mencapai cita-cita politiknya tanpa dapat dikesan sesiapa bahawa ia adalah pembohongan.

(END)